

Serumpun Kasih

YB DATUK AARON AGO DAGANG

MENTERI PERPADUAN NEGARA



Salam Sejahtera, Salam Perpaduan & Salam Malaysia MADANI

“Harmoni Dalam Kepelbagaian” adalah aspirasi untuk membina negara bangsa yang bersatu padu dan makmur, di mana kepelbagaian diraikan sebagai kekuatan. Ia menekankan pentingnya memahami, menghargai, dan meraikan perbezaan antara individu dan kumpulan, bukan hanya menguruskannya. Konsep ini menjadi tema utama dalam hala tuju Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada tahun 2025.

Perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama menjadi asas kukuh dalam menjayakan pembangunan mampan negara serta menuju status wilayah maju berpendapatan tinggi. Fokus utama Kementerian Perpaduan Negara dirangka melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

Perpaduan dan harmoni bukanlah sesuatu yang datang secara semula jadi, tetapi hasil daripada usaha bersama yang berterusan untuk saling menghormati, memahami dan menghargai perbezaan. Perpaduan adalah asas kekuatan Malaysia dan harmoni adalah kunci kepada masa depan yang gemilang.

Sesungguhnya, permulaan fasa tahun 2025 ini menunjukkan satu petanda yang positif terhadap keberhasilan gerak kerja Kementerian dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Oleh itu, saya menyeru agar semangat dan iltizam yang tinggi ini dapat diteruskan dalam membawa amanah dan tanggungjawab yang tinggi untuk mencapai misi dan visi bagi mendokong aspirasi Malaysia MADANI.

Akhir kata, semoga semua pihak meneruskan kecemerlangan agar agenda perpaduan nasional dapat terus terlaksana.

Sekian, Terima Kasih.

SIDANG REDAKSI



PENASIHAT

DR. SHATESH KUMAR A/L SANGAR
Setiausaha Akhbar

FAUZIAH BINTI ABDULLAH

Ketua Unit Komunikasi Korporat

KETUA PENGARANG

NOR SUZAMAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat

KETUA PENYELARAS

NUR EMELIANA BINTI ISHAK
Pegawai Perhubungan Awam

PENYELARAS

AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

JURUFOTO

MOHD ZUHAIRI BIN MOHAMAD KHIR
MOHAMMAD NUR IKMAL BIN USMAN

Sidang redaksi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KPN dan semua bahagian di KPN yang menjayakan penerbitan Buletin Uniti Siri 1/ 2025.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan sila hubungi:

SIDANG REDAKSI BULETIN UNITI KPN 2025
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5, Blok F9, Parcel F,
Lebuhraya Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA



03 8091 8000
www.perpaduan.gov.my

Kandungan

4 JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5 DASAR PERPADUAN NEGARA

6 KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

7 FLAGSHIP KEMBARA PERPADUAN

9 IKHTIAR 1 : EKOSISTEM PERPADUAN

39 IKHTIAR 2: INISIATIF HARMONI MADANI

51 IKHTIAR 3: EKSPLORASI RUKUN NEGARA


57 IKHTIAR 4: KOMUNITI SOSIO-BUDAYA

77 TADBIR URUS PERPADUAN


81 LIPUTAN MEDIA



JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA



YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN



YAYASAN TUN RAZAK

DASAR PERPADUAN NEGARA

BERASASKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN & RUKUN NEGARA



TERAS 1

PATRIOTISME & DEMOKRASI

TERAS 2

IDENTITI NASIONAL

TERAS 3

EKOSISTEM PERPADUAN

PERNYATAAN DASAR

Dasar Perpaduan Negara ialah dasar payung yang melakar usaha berterusan bagi memupuk dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian" untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini



DILANCARKAN PADA
15 FEBRUARI 2021

OBJEKTIF DASAR PERPADUAN NEGARA



Menguatkan perpaduan dan integrasi nasional berteras Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



Membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab.



Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

KERANGKA PERPADUAN



MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

(Masyarakat yang maju, terampil dan terangkum)

NILAI MADANI	Kemampuan	Kesejahteraan	Daya Cipta	Hormat	Keyakinan	Ihsan
FOKUS UTAMA	Ekonomi & Kewangan	Perundangan	Institusi	Kebudayaan	Kemasyarakatan	Bandar
TERAS STRATEGIK	Membina semula ekonomi	Menjamin kesejahteraan insan	Pendidikan	Reformasi institusi demokrasi dan perundangan	Mewujudkan pentadbiran beramanah	Luar Bandar

PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN (UNITY IN DIVERSITY)

DASAR KPN	Etnisiti	Agama	Kelas Sosial	Pendidikan	Bahasa	Jurang Generasi	Gender	Politik Federalisme	Ruang Bandar - Desa	Media	
ISU DAN CABARAN											
TERAS DPN	Patriotisme dan Demokrasi			Identiti Nasional			Ekosistem Perpaduan				
	Perlembagaan dan Rukun Negara			Bahasa			Komunikasi				
	Sejarah Malaysia			Agama, Budaya dan Adat Resam			Tapak Integrasi				
	Integrasi Nasional			Nilai Murni			Kolaborasi Strategik				
	Institusi Keluarga dan Komuniti			Undang-Undang				Pemimpin			

KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

Semarak KENEGARAAN

1. Meningkatkan peluang ekonomi
3. Mengukuhkan jaringan perlingungan sosial

Semarak PERPADUAN

2. Memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi
4. Merapatkan jurang pembangunan

Komuniti RAHMAH

JPNIN, JMM, ANM, PNM, YSS, YTAR, YTR

KPM, KBS, KKDW, MOF, KE, KPWKM, KPT, KPKT, MOTAC (Whole Of Government Approach), NGO – Friends Of Unity (FoU)



SEMARAK KENEGARAAN

Program kenegaraan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.



SEMARAK PERPADUAN

Program bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian, aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau *moment of unity* akan sentiasa dilihat, didengar dan dirasai di setiap lapisan masyarakat.



















KOMUNITI RAHMAH

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggabungan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti.



JENTERA PERPADUAN

(SEHINGGA JUN 2025)

Negeri	Kawasan Rukun Tetangga	SKIM Rondaan Sukarela	Skuad Uniti	Mediator Komuniti	Taska Perpaduan	Tabika Perpaduan	Kelab Rukun Negara	Sekretariat Rukun Negara
 Perlis	142	97	4	13	2	37	104	7
 Kedah	527	295	8	20	3	107	560	18
 Pulau Pinang	525	292	5	56	3	116	367	12
 Perak	595	348	12	31	3	164	595	15
 Selangor	1,116	669	9	94	2	181	757	30
 W.P. Kuala Lumpur	305	193	4	42	3	132	303	14
 W.P. Putrajaya	57	30	1	33	-	10	26	-
 Negeri Sembilan	358	305	12	32	2	120	338	12
 Melaka	259	195	5	21	4	64	259	11
 Johor	873	655	10	27	2	206	1,039	17
 Pahang	567	477	11	28	3	126	592	12
 Terengganu	526	481	8	17	2	72	451	11
 Kelantan	473	477	10	21	4	107	467	8
 Sarawak	1,095	572	13	60	4	172	408	12
 Sabah	1,131	388	12	72	2	142	556	13
 W.P. Labuan	37	15	4	4	2	25	27	1
Jumlah	8,586	5,489	128	571	41	1,781	6,849	193


KRT PROGRESIF

Pemeriksaan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif adalah inisiatif untuk memperkukuhkan agenda ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti melalui pelaksanaan aktiviti yang berteraskan ekonomi dengan bantuan dalam bentuk kewangan, teknikal, peralatan, latihan dan bimbingan yang diberikan oleh Kementerian Perpaduan Negara.


PEMBUDAYAAN KOMUNITI MADANI

DASAR	DASAR PERPADUAN NEGARA (PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN)							
KLUSTER PROGRAM	SEMARAK KENEGARAAN			SEMARAK PERPADUAN			KOMUNITI RAHMAH	
MATLAMAT	MEMBANGUN RUKUN TETANGGA PROGRESIF							
BIDANG TUMPUAN	Ekonomi dan Sara Hidup	Keselamatan dan Ketahanan Komuniti	Kepimpinan	Kesejahteraan Komuniti	Pembelajaran Sepanjang Hayat	Alam Sekitar	Warisan dan Budaya	Daya Cipta
KONSEP PELAKSANAAN	Membangunkan RT Progresif Secara Inklusif Melalui Keberdayaan Ekonomi Dan Kebersamaan Komuniti							
STRATEGI PELAKSANAAN	1. Memantapkan Daya Kepimpinan Komuniti		4. Membangunkan Modal Insan		7. Melestarikan Warisan dan Budaya			
	2. Meningkatkan Kesejahteraan Komuniti		5. Melestarikan Alam Sekitar		8. Menjalinkan Kolaborasi Strategik			
	3. Meningkatkan Penggunaan Teknologi Moden		6. Membudayakan Kreativiti dan Inovasi		9. Menjalinkan Keharmonian Antara Penganut Agama			
PEMBOLEH DAYA (ENABLERS)	PERUNDANGAN		JENTERA PELAKSANA		PROFIL KOMUNITI		SUMBER	
	Akta Rukun Tetangga 2012 Akta Warisan Kebangsaan Akta Kualiti Alam Sekeliling Pelbagai Peraturan		KPN/JPNIN/ KRT a. Negeri b. Daerah Agensi-agensi dan NGO		Populasi Kebudayaan Pendapatan Isi Rumah Kemiskinan Institusi dan NGO Kegiatan Ekonomi		Pendidikan Isu-isu Sosial Prasarana	
AGENSI TERLIBAT	MoF, KE, KPM, KBS, KKD, KPDN, KPWK, KPT, MOTAC, KPKT, KPK, KUSKOP, KKM, KDN, KPKM, IPT (Whole of Government Approach), NGO dan Swasta							

FASA PELAKSANAAN PEMERKASAAN RT PROGRESIF



KRT PROGRESIF (SEHINGGA JUN 2025)



PROJEK EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA

504

**PROJEK EKONOMI KRT
TAHUN 2025**



Selaras dengan agenda memperkasa pembangunan komuniti, peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) diperkukuh melalui inisiatif KRT Progresif. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong aktiviti ekonomi setempat, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan pendapatan dan kesejahteraan komuniti seluruh negara.



PERTANIAN

260

21



PRODUK MAKANAN

131

69



PRODUK BUKAN MAKANAN

17

6



KRAFTANGAN



PERKHIDMATAN



PELANCONGAN

MAJLIS AMANAT

MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2025

14 Januari 2025, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan amanat beliau dalam Majlis Amanat Menteri Perpaduan Negara Tahun 2025. Dalam amanatnya, beliau menyatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara melalui jabatan dan agensi dibawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi yang berteraskan kepada kluster **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan** dan **Komuniti Rahmah** pada tahun 2024. Antara pencapaian utama yang telah dicapai ialah pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan, Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Penghayatan Rukun Negara, Mediator Komuniti, Liga Sukan Uniti dan lain-lain.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited menyemarakkan semangat perpaduan melalui empat (4) agenda utama iaitu **Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara** dan **Komuniti Sosio-Budaya.**"

"Saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang, untuk terus bekerja bersama-sama membina negara ini dengan semangat saling menghormati dan memahami antara satu sama lain. Kita harus menjadikan kepelbagaian sebagai satu kekuatan, bukan halangan."



MAJLIS KONVOKESYEN DAN PROGRAM KREATIF PERINGKAT JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2025

4 Januari 2025, Kuala Lumpur - Majlis Konvokesyen dan Program Kreatif Peringkat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025 telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Sarasawathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bertempat di Dewan Tun Syed Nasir, UKM, Kuala Lumpur.

Program ini dilaksanakan adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada kanak-kanak, guru dan ibu bapa atas kecemerlangan dan komitmen yang telah diberikan dan meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak melalui interaksi berbicara di hadapan orang ramai serta mencungkil bakat dan potensi kanak-kanak dalam pelbagai aspek pendidikan dan kemahiran.



MAJLIS PELANCARAN PORTAL BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PERPADUAN



23 Januari 2025, Kuala Lumpur - Inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program perpaduan di negara ini diteruskan melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan. Majlis pelancaran portal telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Penambahbaikan yang dibuat melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan ini merupakan satu menifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan, dan dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien".

Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan boleh diakses melalui pautan <https://apps.perpaduan.gov.my/bkpp/>

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 PERINGKAT KAWASAN RUKUN TETANGA (KRT) PETALING STREET

4 Februari 2025, Kuala Lumpur - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Ramah Mesra Bersama Kumpulan B40 dan Komuniti Jalan Petaling, Kuala Lumpur sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2025.

Program ini adalah anjuran Civil Defence Auxiliary Better Nation Malaysia (CDA BNM), APM dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetanga (KRT) Petaling Street.



SAMBUTAN ULANG TAHUN YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN YANG KE-59

7 Februari 2025, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan Ulang Tahun Yayasan Tunku Abdul Rahman yang ke-59, sebuah peristiwa bersejarah selari dengan hari kelahiran Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang ke-122, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama Malaysia. Sambutan bertemakan "Kita Mereka Malaysia", bertujuan untuk menghargai mereka yang membentuk masa lalu, masa kini, dan masa depan Malaysia.



MAJLIS MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) YAYASAN SUKARELAWAN SISWA BERSAMA HO CHI MINH YOUTH UNION

19 Februari 2025, Kuala Lumpur - Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Ho Chi Minh Youth Union dan beberapa rakan kerjasama strategik bersempena dengan Malam Penghargaan Rakan Kerjasama Strategik YSS yang disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Vivatel Hotel, Kuala Lumpur.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "YSS sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memperkembangkan usaha memberikan impak sosial di peringkat antarabangsa melalui pelbagai misi kesukarelawan siswa di dalam dan luar negara termasuk di beberapa buah negara ASEAN seperti Indonesia, Laos dan Vietnam. Sehingga kini, YSS telah melahirkan seramai 2,067 alumni sukarelawan siswa dan telah menjayakan 73 misi kesukarelawan berimpak tinggi serta lebih 8,000 projek komuniti yang telah memberikan manfaat kepada lebih 1 juta ahli masyarakat di dalam dan luar negara."



PROGRAM CILIK PERPADUAN

28 Februari 2025, Kuala Lumpur - Sebanyak RM33.73 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi memperkasa pengoperasian Tabika dan Taska Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada tahun 2025. Melalui Belanjawan MADANI 2025, Kementerian Perpaduan Negara turut diperuntukkan sebanyak RM 5 juta bagi kerja-kerja penambahbaikan tabika perpaduan.

Program Cilik Perpaduan telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Taska Perpaduan Taman Sri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur.



PERUNTUKAN RM33.73 JUTA BAGI PENYEDIAAN KEMUDAHAN



Pembelian Starter Kit di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan



Pembelian Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan



Pembelian Buku Log Harian Taska Perpaduan



Bantuan Makanan Tambahan (BMT) kepada semua murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan



Geran Per Kapita kepada semua murid Tabika Perpaduan



Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok bagi Murid Tabika Perpaduan & Kanak-Kanak Taska Perpaduan



2.1 JUTA BEKAS BUBUR LAMBUK TELAH DIEDARKAN DI SELURUH NEGARA OLEH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



8 Mac 2025, Terengganu - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 yang disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Program ini merupakan anjuran kali keempat yang dianjurkan secara serentak di seluruh negara dan pada tahun ini, sebanyak lebih 2.1 juta bekas bubur lambuk telah diedarkan di seluruh negara oleh Kementerian melalui lebih 3280 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)."



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

11 Mac 2025, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan Hari Wanita Peringkat Kementerian Perpaduan Negara yang bertemakan "Wanita Beraspirasi Membina Legasi" bertempat di Dewan Balora Perdana, Putrajaya.



MAJLIS PELANCARAN KAWASAN RUKUN TETANGGA BAHARU SRI AMAN TAHUN 2025

14 Mac 2025, Sarawak - Majlis Pelancaran Kawasan Rukun Tetangga Baharu Sri Aman Tahun 2025 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bertempat di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkelili, Sri Aman, Sarawak.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Ketika ini terdapat sebanyak 8,529 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara di mana 91 daripada jumlah tersebut adalah merupakan KRT baharu yang ditubuhkan pada tahun 2024 termasuklah 7 KRT baharu yang ditubuhkan di Lubok Antu (Bahagian Sri Aman). Secara keseluruhan di Negeri Sarawak kini mempunyai sebanyak 1092 KRT."

Dengan penubuhan KRT baharu ini, penduduk Sri Aman diharap dapat memainkan peranan aktif dalam membina komuniti yang lebih bersatu, harmoni, selamat dan sejahtera. KPN terus komited untuk memperluaskan jaringan KRT di seluruh Malaysia sebagai asas kepada kestabilan sosial dan perpaduan nasional.



MAJLIS AGIHAN BUBUR LAMBUK KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



20 Mac 2025, Putrajaya - Program dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Perpaduan Negara (Kelab UNITI) telah mengagihkan sebanyak 300 bekas bubur lambuk kepada semua warga Kementerian, Jabatan & Agensi di sekitar Kompleks F. Majlis Agihan Bubur Lambuk Kementerian Perpaduan Negara telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA

4 dan 5 April 2025, Melaka - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memilih Negeri Melaka sebagai lokasi pertama bagi siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025. Majlis kick-off SMP 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka.

Sambutan ini dimeriahkan dengan acara Unity Fun Walk. Peserta yang hadir berpakaian busana baju Melayu lengkap bersamping serta bersongkok, berbaju kurung dan berkebaya dan ada juga yang mengenakan pakaian baju etnik pelbagai kaum. Pelepasan *Unity Fun Walk* telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

5 April 2025, Melaka - Majlis yang bertemakan "Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara" telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri. Sambutan ini adalah wadah merakyatkan agenda Malaysia MADANI, di samping memperkukuh hubungan antara pemimpin dan rakyat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang. Majlis diserikan dengan kehadiran lebih 60,000 pengunjung yang dihidangkan dengan lebih 100 jenis juadah tradisional, menambah seri dan kemeriahan suasana Syawal tahun ini.

Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Kebangsaan bersama YAB Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh.



PERAYAAN SONGKRAN PERINGKAT KEBANGSAAN

13 April 2025, Perak - Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia (PSM) telah menganjurkan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak. Program ini merupakan perayaan yang disambut setiap tahun oleh etnik minoriti Bumiputera Siam bagi menandakan kedatangan tahun baharu yang penuh dengan kesyukuran dan kegembiraan yang selari dengan nilai MADANI iaitu kesejahteraan dan hormat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, "Songkran memberikan peluang untuk kita mengenali dan menghargai tradisi masyarakat Siam yang telah wujud sejak sekian lama. Tradisi ini bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat Siam, tetapi juga mengajak kita untuk lebih menghargai nilai-nilai murni seperti kasih sayang dan hormat-menghormati dalam kehidupan seharian."



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI KEDAH

17 hingga 19 April 2025, Kedah - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Kedah telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Dataran Darulaman, Jitra, Kedah.

Pelbagai pertandingan seni & budaya (nyanyian, tarian tradisional, permainan rakyat) termasuk sepak raga perpaduan, busana silang budaya, karekter perpaduan dan pertandingan memasak peknga serta gulai ikan yang melibatkan kira-kira lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, kaum dan agama.



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SARAWAK 2025

26 April 2025, Sarawak - Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak Tahun 2025 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Penview Convention Centre, Kuching, Sarawak.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Sebanyak 39 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif Sarawak pada tahun ini. Kini terdapat sebanyak 8,554 KRT di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 1,092 KRT terdapat di Sarawak."



LIGA SUKAN UNITI ANTARA JABATAN

26 April 2025, Selangor - Kelab Sukan UNITI, Kementerian Perpaduan Negara buat julung kalinya telah menganjurkan Liga Sukan UNITI Antara Jabatan bertempat di Uptown Sports, Bangi, Selangor. Sebanyak tiga (3) acara sukan dipertandingkan iaitu Futsal Lelaki & Wanita dan Bola Jaring Wanita. Sebanyak 19 Pasukan telah menyertai liga sukan ini.

Sesi Perasmian Liga Sukan UNITI & Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bersama Timbalan Pengerusi Kelab UNITI, YBrs. Encik Mohd Rizal bin Nawabjam.



PROGRAM MENU SIHAT PERPADUAN 2025




27 April 2025, Kelantan - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melancarkan Program Menu Sihat Perpaduan 2025 secara serentak di seluruh negara melibatkan semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.


Program Menu Sihat Perpaduan diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak, ibu bapa, serta masyarakat mengenai kepentingan mengamalkan menu sihat dalam kehidupan seharian.


Program Menu Sihat Perpaduan ini akan memberikan manfaat kepada seramai lebih 34,000 murid yang melibatkan 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan di seluruh negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN, di Pusat Aktiviti Perpaduan Tumpat, Kelantan.



INISIATIF MENU SIHAT PERPADUAN

 **37 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **181 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **72 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **107 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN

 **120 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **142 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **116 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN


 **64 KELAS TABIKA PERPADUAN**
4 TASKA PERPADUAN


 **37 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN


 **164 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN


 **206 KELAS TABIKA PERPADUAN**
2 TASKA PERPADUAN

 **25 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN

 **126 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN

 **132 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN

 **107 KELAS TABIKA PERPADUAN**
3 TASKA PERPADUAN

 **10 KELAS TABIKA PERPADUAN**

MADANI BERKHIDMAT: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025



28 April 2025, Sabah - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Penutupan MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025 di Kompleks Belia dan Sukan. Misi ini telah disertai oleh 100 orang sukarelawan siswa dan alumni bermula pada 12 April hingga 30 April 2025 di tujuh (7) kawasan di Sabah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, "Bagi Negeri Sabah, sehingga tahun ini, sebanyak 28 misi sukarelawan siswa telah dijalankan dengan penglibatan seramai 793 sukarelawan siswa. Mereka telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,577 projek sukarelawan yang telah memberi manfaat kepada 189,064 komuniti di seluruh Sabah."



Sebanyak 189,064 komuniti di Sabah telah mendapat manfaat daripada 1,577 projek sukarelawan, yang dijalankan oleh para mahasiswa terpilih daripada Universiti Awam, Institut Pengajian Tinggi Swasta, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Politeknik dan Kolej Komuniti.



PROGRAM EKSPLORASI PERPADUAN 2025

3 Mei 2025, Sabah - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah hadir ke Program Eksplorasi Perpaduan 2025 bertempat di Muhibah Square, Sabah. Program Eksplorasi Perpaduan 2025 merupakan program satelit pertama di Tawau dan telah berjaya menarik kehadiran lebih 800 orang daripada komuniti setempat.



ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) NEGARA BANGSA MADANI

8 Mei 2025, Negeri Sembilan - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan *Round Table Discussion* (RTD) Negara Bangsa MADANI anjuran Kementerian Perpaduan Negara. RTD ini diwujudkan sebagai platform strategik untuk menghimpunkan pelbagai pemegang taruh bagi memperhalusi isu-isu semasa berkaitan pembinaan negara bangsa serta mencadangkan penyelesaian yang realistik, inklusif, dan berpaksikan nilai Malaysia MADANI.



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI KELANTAN



8 hingga 10 Mei 2025, Kelantan - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Kelantan telah disempurnakan oleh YB Tuan Zamakhshari bin Muhamad, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan di Dataran Bandar Baru, Lubok Jong, Pasir Mas, Kelantan.

Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Kelantan dimeriahkan dengan program Unity Fun Walk Baju Tradisional. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan telah diiktiraf dalam Malaysia Book of Records (MBOR) sempena *Most Participants In A Traditional Attire Fun Walk* dengan penyertaan seramai 1224 peserta.



MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU TELUGU (UGADI FEST)

10 Mei 2025, Selangor - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara mewakili Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Telugu (Ugadi Fest) Peringkat Kebangsaan 2025 bertempat di Akademi Telugu Malaysia Rawang. Program anjuran Persatuan Telugu Malaysia ini adalah bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Telugu (Ugadi Fest) di samping memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai warisan dan budaya masyarakat Telugu di Malaysia.



MAJLIS PRA PELANCARAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA DAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI JOHOR

15 Mei 2025, Johor - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan pada 28 dan 29 Ogos di Sentul, Kuala Lumpur. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Majlis Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga dan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor di Dataran Segamat, Johor.

Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga diadakan sebagai tanda penghargaan kepada semua Jawatankuasa Rukun Tetangga yang telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelbagai aktiviti kejurangan, menjaga keselamatan serta memperkukuhkan jaringan sosial antara penduduk. KPN turut melancarkan logo dan slogan baharu iaitu "Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan" bagi semua KRT sempena 5 Dekad bertapaknya di negara ini.



PROGRAM SANTUNI MADANI BERSAMA KOMUNITI WARGA PERPADUAN TENOM

17 Mei 2025, Sabah - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara menyempurnakan Program Santuni MADANI bersama Komuniti Warga Perpaduan Tenom yang berlangsung di Dewan Melalap, Tenom. Program ini bukan sekadar simbol keprihatinan kerajaan, malah menjadi platform interaktif yang penuh warna-warni dengan pelbagai aktiviti komuniti dan pameran oleh KRT.



PERUNTUKKAN SEBANYAK RM2.1JUTA MERANGKUMI OPERASI DAN PELAKSANAAN MISI SUKARELAWAN SISWA



19 Mei 2025, Putrajaya - Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Sukarelawan Siswa Ke-13 telah memutuskan agar Program Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa dijenamakan semula kepada MADANI Berkhidmat Sukarelawan Siswa. Tahun ini, misi sukarelawan akan dilaksanakan di negeri Sabah, Sarawak, Pahang, Perak dan Negara Vietnam. Kementerian turut meluluskan peruntukkan sebanyak RM2.1 juta merangkumi RM600 ribu bagi tujuan operasi dan RM1.5 juta bagi pelaksanaan misi sukarelawan siswa.

YSS telah melahirkan seramai 2,153 pemimpin sukarelawan siswa yang berjaya melaksanakan 9,665 projek komuniti di seluruh negara. YB Menteri dalam ucapannya berkata, "YSS perlu berperanan sebagai satu agensi kerajaan yang proaktif. Pelaksanaan program harus berfokus dan tumpuan harus diberikan kepada Misi Sukarelawan Siswa, Tuisyen KAMI, Ejen Perpaduan serta program pembangunan kepimpinan sukarelawan siswa."



MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

23 Mei 2025, Pahang - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Program Kampung Angkat MADANI di Kampung Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang sebagai usaha mencapai matlamat pembangunan negara ke arah masyarakat yang inklusif dan mampan, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI. Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memilih Kampung Kuala Tembeling sebagai Kampung Angkat MADANI KPN dengan peruntukkan sebanyak RM1 juta disediakan bagi 11 projek pembaikan, menaik taraf dan pengubahsuaian fasiliti awam, pusat komuniti serta premis Kerajaan di sekitar kawasan Jerantut.



PERSIDANGAN PEGAWAI PERPADUAN TAHUN 2025

24 Mei 2025, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Pegawai Perpaduan Tahun 2025 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan nasional melalui peningkatan kualiti perkhidmatan Pegawai Perpaduan sebagai jentera utama negara.



PROGRAM KEMBARA JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA

29 Mei hingga 1 Jun 2025, Selangor - Majlis Pelancaran Kembara Jubli Emas Rukun Tetangga anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ini dilaksanakan di enam (6) buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kelantan, WP Kuala Lumpur dan Selangor. Program ini telah dilancarkan oleh YBr. Encik Mohamad Sobri Bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Objektif program ini adalah untuk memperkukuhkan jaringan strategik dalam komuniti untuk memastikan ekosistem perpaduan sentiasa utuh dan sejahtera serta menyemarakkan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga yang merupakan jentera perpaduan dan organisasi sukarela yang telah memberikan pelbagai sumbangan ke arah pembangunan komuniti setempat.



BUILDING A UNITED MALAYSIA: INVESTING IN SOCIAL COHESION REPORT LAUNCH EVENT AND CALL TO ACTION ARCHITECTS OF DIVERSITY



12 Jun 2025, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan program *Building A United Malaysia: Investing In Social Cohesion Report Launch Event And Call To Action Architects Of Diversity* di The GoDown Arts Centre KL.



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI PERLIS

13 Jun hingga 15 Jun 2025, Perlis - DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Raja Perempuan Perlis Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid telah berkenan menyempurnakan simbolik Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Perlis Bersempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis bertempat di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar Perlis.

Sempena SMP 2025 Peringkat Negeri Perlis, DYTm Raja Muda Perlis berkenan menyertai program Kayuhan Kembara Perpaduan Bersama MAIPS Peduli dengan bersama-sama lebih 200 peserta dan merangkumi 3 checkpoint sejauh 12 kilometer. Kayuhan ini bertujuan untuk menyantuni asnaf-asnaf yang terpilih untuk menerima Sumbangan Kotak Rahmah RT Cares daripada Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN). Sesi tinjauan turut diadakan ke KRT Progresif bagi melihat status projek penanaman sayuran yang dilaksanakan oleh KRT Taman Bukit Kayangan.



MAJLIS KARNIVAL DAN PENYAMPAIAN HADIAH HARI BAHASA IBUNDA ANTARABANGSA 2025

14 Jun 2025, Kuala Lumpur - YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Menteri Perpaduan Negara telah hadir menyempurnakan Majlis Karnival dan Penyampaian Hadiah Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025 di Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall (KLSCAH).



SAMBUTAN HARI GAWAI DAN PESTA KAAMATAN PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

18 Jun 2025, Cyberjaya - Sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan menghimpunkan warga kementerian dalam suasana penuh warna-warni, menonjolkan kekayaan adat, budaya, dan makanan tradisional masyarakat Dayak serta Kadazandusun, Murut & Rungus (KDMR).

Lebih daripada sekadar perayaan, majlis ini melambangkan semangat perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Kepelbagaian budaya diraikan sebagai kekuatan, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang mengangkat nilai hormat, kasih sayang dan kebersamaan.



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

19 hingga 21 Jun 2025, Terengganu - Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Terengganu telah diadakan di Arena Square & Padang Astaka, Kemaman, Terengganu. Program ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya Bicara Perpaduan 2025: #RukunNegaraVibes: Harmoni dalam Kepelbagaian, acara Tayangan filem "Lahad Datu" & Cabutan Bertuah, Program Jejak Harmoni dan pelbagai lagi.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Terengganu telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bersama-sama YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara turut meluangkan masa untuk menghadiri Program Jejak Harmoni sempena SMP 2025 serta beramah mesra bersama komuniti setempat.



PERTANDINGAN AKHIR 'LAGU KITA'

29 Jun 2025, Sabah - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Pertandingan Akhir 'Lagu Kita' anjuran Sabah Unity In Diversity Community Patners (SUICDP), Rotary Club of Kota Kinabalu dan Society of Performing Arts Kota Kinabalu, Sabah (SPARKS) bertempat di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kota Kinabalu, Sabah.



S A M B U T A N MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT NEGERI SABAH

27 Jun hingga 29 Jun 2025, Sabah - Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Sabah telah diadakan di Padang Bandaran Sandakan, Sabah. Program ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya Pameran Rumah Kami, Malam Perpaduan (Unity Night) @ Konsert Sejiwa Seirama, Program Bicara Perpaduan, Program Jejak Harmoni, Harmony Walk dan pelbagai lagi.

Majlis Perasmian Penutupan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Sabah diadakan pada hari terakhir dan telah disempurnakan oleh YB Datuk James Bin Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat Dan Kesejahteraan Rakyat Sabah.



SUKARELAWAN SISWA

Student volunteers

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

MADANI BERKHIDMAT MISI SUKARELAWAN SISWA

TAHUN 2012 - JUN 2025



9,665

PROJEK KOMUNITI



1,734,134

PENERIMA MANFAAT



2,153

SUKARELAWAN



79

MISI

TERAS KESUKARELAWANAN



**PERPADUAN DAN
PEMERKASAAN
KOMUNITI**



**PENAMBAHBAIKAN
PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN KAPASITI**



**KETAHANAN TERHADAP
IMPAK PERUBAHAN IKLIM DAN
KELESTARIAN ALAM SEKITAR**



**KESIHATAN DAN
KESEJAHTERAAN**



**TRANSFORMASI
DIGITAL**



**MOBILISASI
IMPAK SOSIAL**



YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

9,500 Belia telah menyokong tiga program utama YRAR sejak 1966 :

CLOSING THE GAP



Program akses dan bimbingan pendidikan tinggi untuk memperkasakan belia dengan pemikiran, kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai aspirasi pendidikan tinggi.

BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN (BTAR)



Biasiswa ijazah sarjana muda yang komprehensif dan mempunyai program pembangunan kepimpinan selama 2 tahun untuk membangunkan pemimpin muda untuk Malaysia.

FUTUREREADY



Program yang ditaja bersama Accenture Malaysia yang memperkasakan belia dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berdaya saing dan menyerlah dalam pasaran kerjaya yang kompetitif.



KEMPEN CAKAP BAIK-BAIK



Kempen Cakap Baik-Baik: Menyemai Perpaduan dan Kebersamaan Dalam Masyarakat ini digerakkan sebagai salah satu usaha berterusan untuk memupuk budaya positif dalam komunikasi dan memperkukuhkan keharmonian sosial. Kempen Cakap Baik Baik adalah satu inisiatif yang menggalakkan setiap individu untuk berkomunikasi dengan penuh rasa hormat, berbudi bahasa, serta mengelakkan sebarang bentuk kata-kata negatif, hinaan, atau provokasi yang boleh merosakkan keharmonian dalam masyarakat.

Dalam dunia yang serba moden ini, adakalanya kata-kata yang tidak dipertimbangkan boleh menyebabkan ketegangan, permusuhan, dan perpecahan antara kaum dan agama. Justeru, kempen ini menekankan kepentingan berfikir sebelum berkata, serta menghargai perbezaan yang ada.

Kempen ini bukan sahaja melibatkan warga Malaysia yang berbilang kaum dan agama, tetapi turut melibatkan semua pihak termasuk media, pemimpin komuniti, dan individu. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan bahawa negara kita terus berkembang dengan semangat persaudaraan yang kuat.

IKHTIAR
2

INISIATIF HARMONI MADANI

Inisiatif Harmoni MADANI sebagai usaha meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.



PENGURUSAN ISU PERPADUAN



JAWATANKUASA PENGURUSAN ISU PERPADUAN (JPIP)

Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi meneliti kesemua insiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini. Penubuhan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. Keahlian JPIP ini adalah terdiri daripada wakil:



MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)



KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)



POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)



KEMENTERIAN KOMUNIKASI (KK)



SURUHANJAYA KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)



PUSAT SERANTAU ASIA TENGGARA BAGI MEMERANGI KEGANASAN (SEARCCT)




MALAYSIAN CONSULTATIVE COUNCIL OF BUDDHISM, CHRISTIANITY, HINDUISM, SIKHISM AND TAOISM (MCCBCHST)

MEDIASI KOMUNITI

Pusat Mediasi ialah tempat fizikal yang disediakan sama ada oleh JPNIN atau dengan kerjasama strategik agensi/ pihak lain untuk proses penyelesaian pertikaian secara alternatif (ADR - *Alternative Dispute Resolution*) antara pihak yang berselisih, tanpa perlu melalui sistem kehakiman. Pusat Mediasi Komuniti berperanan sebagai hab penyelesaian konflik setempat yang menyokong usaha memperkukuh keharmonian di peringkat akar umbi.

NEGERI	LOKASI PUSAT MEDIASI KOMUNITI	TAHUN PENUBUHAN
 W.P. KUALA LUMPUR  PULAU PINANG  PERAK  JOHOR	PREMIS JPNIN NEGERI WPKL PAP SEBERANG PERAI SELATAN PAP LARUT MATANG DAN SELAMA KRT TONGKAT PECHAH, BATU PAHAT	2023
 NEGERI SEMBILAN  MELAKA  PERLIS  W.P. PUTRAJAYA	KRT RASA AH TENGAH A, SEREMBAN PAP ALOR GAJAH KRT PEKAN PAUH PREMIS BPH PRESINT 5	2024
 TERENGGANU  JOHOR  SELANGOR  SABAH  W.P. KUALA LUMPUR	PAP KEMAMAN PREMIS JPNIN DAERAH PONTIAN KERJASAMA MAJLIS BANDAR RAYA SHAH ALAM KERJASAMA MAJLIS DAERAH TUARAN KERJASAMA THINK CITY DAN DBKL	2025

STATISTIK MEDIATOR KOMUNITI



BILANGAN KES MEDIASI MENGIKUT TAHUN



*Kes mediasi selesai 115 sehingga Jun 2025

IKLAN PERAYAAN



MAJLIS RUMAH TERBUKA GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CINA MALAYSIA (ACCCIM)

3 Februari 2025, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hadir ke Majlis Rumah Terbuka Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Hotel Shangri-la Kuala Lumpur.



PROGRAM JEJAK HARMONI

15 Februari 2025, Kuala Lumpur - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) menganjurkan Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) Tahun 2025.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar, Kuala Lumpur. Pelaksanaan program Jejak Harmoni ini melibatkan sesi kunjungan muhibah dengan berjalan kaki ke rumah-rumah ibadat bermula dari Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar, Gereja Katolik St. Joseph, Kuil Ahthi Eeswaran, Sri Lanka Buddhis Vihara dan berakhir di Gurdwara Sahib, Sentul.



PERARAKAN HARMONI 2025

15 dan 16 Februari 2025, Kuala Lumpur - Perarakan Harmoni 2025 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025 diadakan pada 15 dan 16 Februari 2025 bermula jam 9.00 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Perarakan kereta berhias diiringi 600 orang peserta yang terdiri daripada 10 kumpulan kaum termasuk Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Peningkatan kefahaman mengenai agama dan budaya pelbagai etnik harus menjadi satu daripada agenda utama dalam memperkukuh keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan penganut agama di Malaysia. Melalui perarakan harmoni ini, kita bukan sahaja dapat mempromosikan perpaduan antara kaum, tetapi juga menjadikannya sebagai daya tarikan pelancongan yang dapat mempamerkan kekayaan budaya Malaysia kepada dunia."



MAJLIS IFTAR RAMADAN HARMONI 2025

8 Mac 2025, Terengganu - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Iftar Ramadan Harmoni 2025 yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang diadakan di Dewan Terbuka Awam Kerteh, Terengganu.

Di negeri Terengganu, sebanyak lapan (8) buah KRT telah berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024 di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan sebanyak RM 811,800.00 peruntukan yang telah disalurkan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Lima Pusat Mediasi Komuniti (PMK) akan ditubuhkan pada tahun ini membabitkan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Daerah Tuaran Sabah, Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Perumahan Rakyat Seri Kota Kuala Lumpur. Dua lagi pusat terbabit akan ditubuhkan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di Kemaman, Pejabat Perpaduan daerah Pontian Johor."

MAJLIS APRESIASI HARMONI

10 Mac 2025, Cyberjaya - Kira-kira 500 orang tetamu telah hadir ke Majlis Apresiasi Harmoni yang disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Majlis ini diadakan bertujuan untuk merayakan semua pihak yang telah bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam mencapai aspirasi memperkukuhkan agenda perpaduan negara antaranya ahli MEXUnity, ahli Mesyuarat Perundingan Perpaduan Negara (MPPN), ahli Jawatankuasa Harmoni, ahli Malaysia Consultive Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism dan Taosim (MCCBCHST), Friends of Unity, rakan-rakan media dan rakan-rakan strategik KPN.



JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN DAN MAJLIS IFTAR HARMONI

15 Mac 2025, Sarawak - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menganjurkan Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Majlis Iftar Harmoni di 118 lokasi seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini. Program ini diadakan adalah bagi mengeratkan semangat muhibah dalam kalangan komuniti setempat terutamanya di Kawasan Rukun Tetangga.



YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, "Perpaduan negara adalah asas kepada kestabilan dan kemakmuran negara kita. Ramadan memberikan peluang kepada kita untuk menunjukkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati, membantu sesama insan, dan memberi tanpa mengharapkan balasan. Dalam semangat ini, marilah kita mempertingkatkan usaha untuk membina sebuah negara yang bersatu padu, di mana semua rakyatnya hidup dalam keharmonian dan saling bekerjasama".



PROGRAM JEJAK HARMONI 2025 TAWAU

18 Mac 2025, Sabah - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah hadir ke Program Jejak Harmoni 2025 di Tawau, Sabah. Program Jejak Harmoni merupakan salah satu pengisian utama bagi program di bawah Inisiatif Harmoni MADANI Tahun 2025 ke arah usaha menyemarakkan prinsip asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima.

Antara pengisian Program Jejak Harmoni ini adalah kunjungan muhibbah ke rumah ibadat berkonsepkan pengagihan bubur, penyerahan tiffin Harmoni dan hamper. Sebanyak empat lokasi rumah ibadat yang terlibat iaitu Masjid Babus Saadah, Taman Muhibbah Jaya, Kuil Thirumugan, Jalan Utara, Tawau, Gereja Holy Trinity, Tawau dan Tokong Pu Zao, Jalan Da Hua 2, Tawau.



MAJLIS IFTAR MUHIBAH

19 Mac 2025, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Iftar Muhibah anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bersama YB Senator Dato' Seri Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bertempat di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya.

Bertemakan "Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan", majlis ini bertujuan mengeratkan ukhuwah merentas budaya dan latar belakang serta menyuburkan semangat perpaduan dalam keberagaman masyarakat Malaysia. Sempena dengan penganjuran majlis turut diluncurkan kempen tekad harmoni merupakan usaha untuk mengukuhkan jalinan keharmonian yang telah lama terjalin di negara ini.



MAJLIS IFTAR HARMONI PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

20 Mac 2025, Putrajaya - Majlis Iftar Harmoni Peringkat Kementerian Perpaduan Negara diadakan di Presint 15, Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, dan dihadiri oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandamsi, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, serta pengurusan tertinggi kementerian, jabatan, dan agensi.

Majlis ini satu acara yang penuh bermakna, bukan hanya kerana ia merupakan kesempatan untuk berbuka puasa bersama, tetapi juga sebagai platform untuk memperkukuh nilai-nilai faham, hormat, dan terima kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia.



MAJLIS PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK MYDIN SUBANG JAYA

27 Mac 2025, Selangor - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara memenuhi undangan ke Program Singgah MADANI@ Mydin, bertempat di Mydin Hypermarket Mall, USJ 1, Subang Jaya. Majlis Pengagihan Bubur Lambuk Mydin Subang Jaya turut dijayakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam program tersebut.

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri turut hadir dan telah meluangkan masa beramah mesra bersama pekerja dan pengunjung yang hadir membeli belah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta meninjau harga barangan di sekitar dalam pasaraya tersebut.



PROGRAM JEJAK HARMONI METASEMESTA DAN DIALOG HARMONI TAHUN 2025

26 April 2025, Kuala Lumpur - Program Jejak Harmoni Metasemesta dan Dialog Harmoni Tahun 2025 yang dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara menjadi medan penting dalam memupuk kefahaman antara budaya dan memperkukuh perpaduan nasional.

Dalam ucapannya, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami menegaskan bahawa teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan memainkan peranan signifikan dalam mengekalkan keharmonian sosial, antaranya menerusi pemantauan sentimen masyarakat, pembangunan platform dialog maya, serta pembelajaran sepanjang hayat yang menjangkau pelbagai lapisan rakyat.



METASEMESTA HUN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN



PERHIMPUNAN AGUNG MAJLIS GEREJA-GEREJA MALAYSIA

29 April 2025, Sabah - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan dalam Perhimpunan Agung Majlis Gereja-Gereja Malaysia. Dalam ucapannya, YB Menteri Perpaduan Negara menekankan bahawa perpaduan adalah sama seperti agama. Kita tidak boleh memaksa seseorang untuk mengamalkan perpaduan, tetapi kita harus memupuknya dengan kasih sayang, kefahaman, dan contoh teladan yang baik supaya ia lahir dari keikhlasan hati. Beliau turut percaya bahawa sekiranya semua institusi keagamaan dapat terus bekerjasama di atas landasan hormat-menghormati, saling memahami, dan cinta akan tanah air kita mampu membina Malaysia yang harmoni.



MAJLIS PERASMIAN RANGKAIAN ADUAN KOMUNITI AWAM NASIONAL (RAKAN)

19 Jun 2025, Selangor - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memperkenalkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "RAKAN merupakan satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional. Inisiatif ini mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan".

Bertemakan "Menjulung Perpaduan, Memperkasa Keselamatan", sesi townhall Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025 dihadiri oleh kira-kira 500 orang wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin, tokoh masyarakat, Mediator Komuniti serta seluruh jentera perpaduan.



RANGKAIAN ADUAN KOMUNITI AWAM NASIONAL (RAKAN)

RAKAN ialah platform digital yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk membolehkan orang awam melaporkan isu atau ancaman yang berpotensi mengugut keharmonian dan keselamatan komuniti.

BAGAIMANA RAKAN BERFUNGSI

Aduan diteliti
Pegawai
Perpaduan
Daerah

Maklumat
pengadu
adalah sulit

Aduan disalur
kepada agensi
berkaitan di
peringkat daerah,
negeri dan pusat
untuk Tindakan

Maklumat juga
dikongsi
kepada PDRM &
MKN, PBT dan
SKMM



Boleh diakses di :

<http://rakan.jpnin.gov.my>



ISU YANG BOLEH DILAPORKAN MELALUI RAKAN



IKHTIAR
3

EKSPLORASI RUKUN NEGARA

Eksplorasi Rukun Negara dengan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan negara.



MAJLIS HI-TEA BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA SEMPENA PERTANDINGAN PIDATO RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN PIALA PUSINGAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA 2024

21 Januari 2025, Melaka -YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Hi-Tea Bersama Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka Sempena Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka 2024.

Pertandingan ini merupakan anjuran Kerajaan Negeri Melaka melalui Institut Tun Perak (ITP) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Pertandingan ini merupakan wadah untuk menghayati, mendalami, dan menzahirkan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi tiang seri kepada perpaduan dan keharmonian negara kita.



BENGGEL PEMURNIAN MODUL PENGHAYATAN RUKUN NEGARA TAHUN 2025

20 Mac 2025, Putrajaya - Bengkel Pemurnian Modul Penghayatan Rukun Negara Tahun 2025 telah dilaksanakan dan dihadiri oleh ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN), Ahli Akademik, pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Bengkel yang telah diadakan di Hotel Pulse Grande, Putrajaya dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara.

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan idea daripada peserta dalam memurnikan Modul Penghayatan Rukun Negara yang akan digunakan dalam siri Jelajah Belia Rukun Negara.

Bengkel Pemurnian Modul Penghayatan Rukun Negara Tahun 2025 bersama pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan NGO-NGO lain turut telah dilaksanakan pada 14 Mei 2025 di Dewan Perpaduan JPNIN, Putrajaya.



PROGRAM ARKIB@SEKOLAH: “BERMULANYA DI SINI”

5 Mei 2025, Sabah - Program Arkib@Sekolah ini merupakan inisiatif Arkib Negara Malaysia bagi menyahut kelangsungan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Pelaksanaan program ini juga selaras dengan objektif ketiga Arkib Negara Malaysia, iaitu “Memperkasa Program Pengembangan dan Advokasi Sejarah Negara ke Arah Penguatan Jati Diri Warga Malaysia”, dengan mempelbagaikan usaha memasyarakatkan bahan arkib melalui pelbagai saluran pengembangan dan advokasi.

Matlamat utama program ini adalah untuk menyebarkan sejarah negara melalui kerjasama strategik dengan memperkasakan program dan aktiviti Arkib Pendidikan di sekolah. Usaha ini membantu guru-guru mempelbagaikan kaedah pengajaran subjek Sejarah secara lebih berkesan dan kreatif, di samping memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan pelajar dengan menggunakan bahan-bahan arkib sebagai sumber rujukan utama.



PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME GURU/ PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN DAN PENDIDIK/ PEMBANTU PENDIDIK TASKA PERPADUAN PERINGKAT NEGERI

Program ini dilaksanakan secara fizikal di peringkat negeri merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memperkukuh kompetensi serta profesionalisme Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan, serta Pendidik dan Pembantu Pendidik Taska Perpaduan.

Melalui program ini, tenaga pendidik dapat diperkasa dari sudut pedagogi, kualiti pentadbiran dan pengurusan; psikologi kanak-kanak, penjagaan berkualiti, nilai perpaduan serta kemahiran digital pendidikan awal dan juga dididik untuk menjadi agen penghayatan Rukun Negara yang dapat diterapkan dalam kalangan murid dan kanak-kanak sejak peringkat awal pendidikan.

TARIKH PROGRAM MENGIKUT PERINGKAT NEGERI



17 MEI 2025



21 MEI 2025



14 JUN 2025



17 MEI 2025



27 MEI 2025



26 JUN 2025



18 MEI 2025



3 JUN 2025



29 JUN 2025



22 MEI 2025



13 JUN 2025





JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Taburan Muzium-Muzium Di Bawah Pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia Di Seluruh Negara

Imbas Kod QR dan muat turun E-Brosur Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia

SISTEM BAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS MUSEUM)

Pembelian tiket boleh dilakukan secara dalam talian dan tanpa tunai di kaunter, seterusnya mengurangkan kesesakan dan mempercepatkan proses kemasukan terutamanya pada musim cuti sekolah, perayaan dan waktu puncak.

PENDIGITALAN MUZIUM-IMBASAN 3D ARTIFAK

Pendigitalan muzium menjadi langkah strategik untuk memastikan pemeliharaan koleksi dan artifak secara berterusan. Melalui teknologi imbasan 3D, setiap koleksi dan artifak dapat dirakam secara terperinci dan disimpan dalam bentuk digital. Koleksi terpilih seperti regalia Yang di-Pertuan Agong dapat diterjemahkan menggunakan 3D printing membolehkan pengalaman masyarakat berinteraksi dengan koleksi secara fizikal.

- Memudahkan penyelidikan, rujukan dan dokumentasi jangka panjang.
- Memberi peluang memperluaskan capaian secara maya menerusi pameran maya.
- Memberi peluang kepada umum untuk melihat koleksi secara dalam talian dan untuk kegunaan membangunkan AR sebagai pengisian pameran.

437,046
KOLEKSI JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Terbahagi kepada **3 kategori**; arkeologi, etnologi dan spesimen alam semulajadi. Terdapat **5 kaedah** perolehan yang diamalkan iaitu pembelian, hadiah, ekskavasi arkeologi, jumpaan dan kembara nekad.

232
MUZIUM DI MALAYSIA

	22	Muzium Persekutuan
	63	Muzium Agensi / Institusi
	103	Muzium Negeri
	44	Muzium Swasta

PAMERAN ZODIAK CINA: KEUNIKAN TAHUN ULAR

29 Januari hingga 16 Februari 2025, Kuala Lumpur - Pameran yang mempamerkan pelbagai spesimen ular dan koleksi yang berkaitan dengan budaya masyarakat Cina. Selain itu, pameran ini juga memberikan pengunjung peluang untuk meneroka pengaruh ular dalam pelbagai aspek kehidupan, seperti karakteristiknya, kepercayaan feng-shui dan seni budaya.



PAMERAN KENANGAN ASAL USUL: MENYINGKAP NARATIF BUDAYA

17 Februari hingga 17 April 2025, Kuala Lumpur - Pameran ini mempersembahkan karya 18 pelajar tahun akhir Jabatan Seni Reka Tekstil yang menggabungkan kajian visual dan ekspresi artistik berdasarkan artifak serta motif tradisional Melayu. Pameran ini mengetengahkan empat produk utama: batik, tekstil cetakan digital, abaya kreatif, dan papan naratif yang mencerminkan inovasi dalam seni tekstil. Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya ini mengadaptasi motif warisan ke dalam konteks moden. Pameran ini juga mengukuhkan kepentingan pemeliharaan budaya melalui penyelidikan berasaskan artifak.



PAMERAN DIRAJA SEMENA SAMBUTAN JUBLI PERAK PEMERINTAHAN DYMM TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, RAJA PERLIS

25 dan 26 April 2025, Perlis - Sempena Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis, satu Pameran Diraja dianjurkan oleh Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perlis sebagai sebahagian daripada sambutan rasmi memperingati 25 tahun pemerintahan baginda sejak dimasyhurkan sebagai Raja Perlis Ke-7.

Tujuh segmen utama dipamerkan dalam pameran ini merangkumi pelbagai fasa kehidupan dan pemerintahan DYMM Tuanku termasuk sejarah negeri Perlis dan Wangsa Jamalullail, zaman kanak-kanak dan remaja baginda, sumbangan dalam bidang ketenteraan serta peranan institusi beraja Perlis dalam Raja Berperlembagaan.



PAMERAN KARYA AGUNG - SENI KRAF WARISAN

15 April hingga 30 Jun 2025, Kuala Lumpur - Pameran Karya Agung: Seni Kraf Warisan merupakan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Negara dengan Kraftangan Malaysia. Pameran ini merupakan inisiatif kerajaan sebagai wahana perpaduan bagi memartabatkan seni, budaya, bahasa dan sastera kebangsaan.

Pameran ini juga mengiktiraf dan memartabatkan karya Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf yang menjadi tunjang kepada kelestarian industri kraf negara. Pameran ini memaparkan 64 koleksi pelbagai produk kraf daripada kehalusan hasil kerja tangan lapan orang Tokoh Kraf Negara dan 22 Adiguru Kraf. Ciptaan setiap seni kraf yang dipamerkan di Muzium Negara ialah daripada empat bidang kraf utama iaitu, tekstil, hasil rimba, hasil logam dan hasil tanah yang menyerlahkan kekayaan budaya setempat.



PAMERAN SEMANGAT ASEAN: KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

15 April hingga 30 Jun 2025, Kuala Lumpur - Pameran ini diadakan bersempena Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN 2025. Pameran Ini juga menjadi platform untuk memperlihatkan identiti serantau dan memantapkan pemahaman masyarakat mengenai pertubuhan ASEAN. Ia juga mencerminkan semangat perpaduan yang menjadi teras komuniti ASEAN sejak lebih lima dekad penubuhannya.

Melalui pameran ini, masyarakat berpeluang meneroka kepelbagaian budaya, inovasi dan teknologi moden yang menyokong usaha kemampunan sosial dan alam sekitar. Ia juga menonjolkan semangat kebersamaan yang mengukuhkan hubungan dan menyatukan rantau ini.



ASEAN
Miniature Gallery
Art & Culture. Handcrafted



PAMERAN NAGA: IMEJ DALAM BUDAYA MATERIAL

28 April 2025 hingga 31 Januari 2026, Perak - Pameran ini mengangkat tema naga sebagai salah satu lambang paling berpengaruh dalam budaya material merentasi tamadun dunia sejak zaman Mesopotamia. Imej naga memperlihatkan perbezaan tafsiran antara budaya Barat dan Timur. Dalam tradisi Barat, khususnya Eropah, naga sering digambarkan sebagai makhluk ganas dan raksasa manakala dalam budaya Timur, seperti di Asia, naga melambangkan kebenaran, kebaikan, kekuatan dan kemakmuran.

Naga bukan sahaja simbol utama dalam kebudayaan Cina tetapi juga terdapat dalam tradisi budaya Melayu, Jepun, Korea, India, negara Eropah dan Amerika Latin dengan makna yang berbeza. Pameran ini bertujuan memberi gambaran bahawa naga merupakan simbol mitos dan kepercayaan manusia sepanjang zaman dalam pelbagai budaya di seluruh dunia. Pameran ini menampilkan pelbagai artifak yang memaparkan imej naga dalam budaya material seperti ukiran kayu, tekstil, arca, seramik, logam dan sebagainya dari pelbagai budaya masyarakat di Asia Tenggara.



SEMINAR HARI MUZIUM ANTARABANGSA MALAYSIA 2025



18 Mei 2025, Kuala Lumpur - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersama-sama Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah telah menganjurkan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025. Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di M Resort & Hotel, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Bertemakan *'The Future of Museums in Rapidly Changing Communities'*, seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha JMM untuk memperkukuh peranan muzium sebagai institusi yang relevan dan memberi impak kepada pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Dalam ucapan YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, "Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak; ia menyediakan tempat bagi penceritaan, pembentukan identiti, dan penyatuan komuniti. Dengan mendukung transformasi digital, kita bukan sahaja memelihara warisan lalu, malah turut membentuk masa depan kita."

PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

25 Jun 2025, Terengganu - Majlis Perasmian Kick Off Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) Peringkat Kebangsaan 2025 telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bertempat di Muzium Negeri Terengganu. Program yang dilaksanakan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan usaha JMM untuk terus memperkasakan fungsi dan peranan institusi permuziuman negara setaraf dengan praktis muzium-muzium lain di dunia yang menjadikan muzium sebagai platform pendidikan tidak formal.

Program IPIM pada tahun 2025 ini melibatkan penyertaan oleh 41 buah muzium di Malaysia merangkumi muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium institusi yang boleh disertai oleh semua murid tahun 4, 5, 6, pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 dan siswa Institut Pendidikan Guru (IPG).



PROGRAM FIESTA UNITI@MUZIUM PERAK

28 Jun 2025, Perak - Fiesta Uniti@Muzium Perak 2025 adalah satu inisiatif kreatif dan inklusif yang merayakan kepelbagaian budaya Malaysia melalui pelbagai acara interaktif, fizikal, dan seni. Lebih daripada sekadar festival, ia merupakan manifestasi strategi perpaduan masyarakat di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara, menjadikan muzium sebagai pusat penghubung antara ilmu, warisan, dan interaksi sosial.

Bertemakan 'Penyatuan Dalam Kepelbagaian', program anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Perak ini berlangsung dari 28 hingga 29 Jun 2025. Perasmian Program Fiesta Uniti@ Muzium Perak telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bertempat di Muzium Perak, Taiping.



ARKIB NEGARA MALAYSIA

ARKIB MEMORIAL



MEMORIAL
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA



MEMORIAL
TUN ABDUL RAZAK



MEMORIAL
TUN HUSSEIN ONN



KOMPLEKS RUMAH KELAHIRAN
MAHATHIR MOHAMAD



GALERIA SRI PERDANA



MEMORIAL
TUN ABDUL GHAFAR BABA



MEMORIAL PENGISYTIHARAN
KEMERDEKAAN



RUMAH MERDEKA



RUMAH KELAHIRAN
P. RAMLEE



PUSTAKA PERINGATAN
P. RAMLEE



MEMORIAL NEGARAWAN



#KLIKDIJARI

seolah-olah anda berada di lokasi dan lawatan sebenar di sana. Tunggu apa lagi imbas & klik sekarang.



EKSPLORASI NEGARAWAN

Tingkatkan Kefahaman Dan
Penghayatan Tentang Sejarah Negara

Untuk anda perolehi keseronokan menerokai
360° lawatan maya.

<https://enagarawan.arkib.gov.my/> | 🔍

PERKHIDMATAN ARKIB NEGARA MALAYSIA



PENGURUSAN
REKOD AWAM



MEMORIAL
NEGARAWAN



PEMULIHAN
REKOD



ARKIB
KOMUNITI



ARKIB
@SEKOLAH



MAJLIS SEJARAWAN
NEGARA

MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-53 "KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR: WARISAN SEJARAH ATAU TRANSFORMASI MASA DEPAN?"

17 Februari 2025, Kuala Lumpur - Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-53 ini menjadi wadah intelektual untuk memperkasa kefahaman masyarakat terhadap pendekatan struktural dan institusional merentas bidang sosiologi, ekonomi, politik, serta transformasi pembangunan Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Usaha murni Arkib Negara Malaysia ini seiring aspirasi Kerajaan MADANI yang menjunjung ketelusan, integriti dan keterangkuman, di samping memastikan setiap wacana sejarah berteraskan fakta yang sahih dan nilai keilmuan yang tinggi. Inilah medan kita menyelam sejarah dengan hikmah, demi membina jati diri bangsa yang berilmu dan berwawasan.



MAJLIS MEMPERINGATI YANG TERAMAT MULIA (YTM) ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

17 Februari 2025, Kuala Lumpur - Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia (YTM) Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah diadakan sebagai apresiasi terhadap pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Perdana Menteri Pertama dan Bapa Kemerdekaan Malaysia. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.



PROGRAM JEJAK 20 FEBRUARI 1956: PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

20 Februari 2025, Melaka - Program ini merupakan salah satu usaha di bawah flagship Ini Warisan Kita, melalui Kluster Semarak Kenegaraan, yang bertujuan mengenang dan menghayati semula peristiwa bersejarah perjuangan kemerdekaan bermula selepas termeterainya Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di London pada 8 Februari 1956, sehingga pengisytiharan tarikh kemerdekaan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.

Kerajaan Negeri Melaka telahewartakan 20 Februari setiap tahun, mulai tahun 2024 sebagai cuti umum bagi negeri ini memperingati Hari Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Negara.



PROGRAM BICARA TUN ABDUL RAZAK

14 April 2025, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah merasmikan Program Bicara Tun Abdul Razak yang berlangsung di Kelab Taman Diraja Perdana, Kuala Lumpur.

Program anjuran Yayasan Tun Razak dan Arkib Negara Malaysia ini bertujuan memperingati jasa besar Allahyarham Tun Abdul Razak - Bapa Pembangunan Negara - dalam membina asas perpaduan, pendidikan, serta pembangunan luar bandar yang menjadi tunjang kepada kemajuan Malaysia hari ini.



PROGRAM ARKIB@KOMUNITI

17 Mei 2025, Selangor - Arkib Negara Malaysia (ANM) telah melaksanakan Program Arkib@Komuniti sebagai satu daripada usaha memasyarakatkan arkib bagi memperkasakan peranan komuniti dalam memelihara khazanah warisan dan sejarah negara.

Menerusi Program Arkib Komuniti, ANM berusaha mengumpul dan memperoleh koleksi bahan sejarah daripada individu, ketua masyarakat, tokoh, keluarga, pertubuhan dan komuniti untuk diserahkan kepada ANM serta disimpan sebagai rujukan pada masa hadapan. Koleksi ini berpotensi menjadi sumber sejarah baharu yang bernilai untuk penyelidikan dan masyarakat.



CAKNA ARKIB NEGARA MALAYSIA (SEMPENA SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA)

12 Jun 2025, Kuala Lumpur - Arkib Negara Malaysia berperanan memberikan khidmat nasihat secara menyeluruh kepada Pejabat Awam, khususnya kepada kumpulan sasar, bagi memastikan rekod penting kerajaan diurus dan dipelihara dengan teratur serta selamat.

Program ini turut dirangka untuk mempromosikan peranan dan fungsi Arkib Negara Malaysia secara menyeluruh, yang merangkumi aspek Pengurusan Rekod, Pentadbiran Arkib, serta Pengurusan Arkib Menteri dan Arkib Memorial di Pejabat Awam.



PROGRAM MINGGU KENANGAN P. RAMLEE: "SATU DALAM SEJUTA"



14 Jun 2025, Pulau Pinang - Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Minggu Kenangan P. Ramlee dengan tema "Satu Dalam Sejuta", yang berlangsung pada 24-25 Mei 2025 dan akan bersambung pada 14-15 Jun 2025 di Pulau Pinang.

Melalui penganjuran ini, masyarakat berpeluang untuk lebih memahami mesej perpaduan, nilai sosial, serta nilai kemasyarakatan yang diterapkan dalam filem dan lagu-lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, di samping mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian.



MAJLIS PENGISYTIHARAN DAN SEMINAR WARISAN ASIA PASIFIK SURAT PERSENDIRIAN BAGINDA OMAR

24 Jun 2025, Terengganu - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman telah berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Perisytiharan dan Seminar Warisan Asia Pasifik. Majlis ini diadakan bagi meraikan pengiktirafan Koleksi Surat Persendirian Baginda Omar sebagai dokumen warisan serantau oleh UNESCO di bawah Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP).

Baginda Omar atau Sultan Omar ibni Sultan Ahmad Shah merupakan Sultan Terengganu ke-IX yang memerintah dari tahun 1839 hingga 1876. Koleksi bersejarah ini mengandungi 56 naskah surat persendirian bertariikh antara tahun 1848 hingga 1858, yang telah dikumpul oleh Syeikh Ulama Tok Ku Tuan Besar Paduka Indera Engku Syed Seri Perdana Engku Muhammad, seorang tokoh penting dalam sejarah diplomasi negeri Terengganu.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



2,120,706 Naskhah

KOLEKSI BUKU

(Koleksi buku di PNM setakat Jun 2025)



PERPUSTAKAAN DIGITAL NASIONAL


www.u-pustaka.gov.my



BILANGAN
KONSORTIUM

12


PERPUSTAKAAN



JUMLAH KATALOG
BAHAN DIGITAL

293,006

JUDUL
KANDUNGAN



JUMLAH KATALOG
BUKU FIZIKAL

2,985,170

REKOD BIBLIOGRAFI



BILANGAN
PANGKALAN DATA
BAHAN DIGITAL

17

PANGKALAN DATA

PROGRAM GALAKAN MEMBACA



JOM BACA
10 MINIT



KARNIVAL
BACA PERDANA



JEJAK
KEMBARA ILMU



FESTIVAL KALIGRAFI
PERPADUAN

PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU (PKMM)

Penubuhannya bertujuan memenuhi fungsi Perpustakaan Negara Malaysia mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006 (Akta 80) Bahagian II, Seksyen 4,(d), (iii) iaitu:

“ Menubuhkan di dalam Perpustakaan -
Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu
untuk pemerolehan, pendokumentasian dan
penggunaan manuskrip Melayu. ”

Sejak tahun 1985 hingga kini

5,336

naskah merangkumi
subjek agama Islam,
astronomi, bahasa,
ketatanegaraan,
perubatan tradisional,
perundangan,
sejarah, sastera
dan lain-lain.



PAMERAN MANUSKRIP MELAYU



Perpustakaan Desa (PD) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan pusat maklumat bagi memenuhi keperluan dan kehendak maklumat masyarakat setempat.

Berperanan sebagai titik sentuh utama bagi menjana aktiviti ke arah pembangunan sosial masyarakat. Penubuhan serta pembangunan PD di seluruh negara bermula sejak Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995).



PERKHIDMATAN



TABURAN PERPUSTAKAAN DESA



ANJUNG BESTARI

Satu inisiatif di bawah PNM iaitu satu ruang bacaan khas di bangunan PNM. Ia diwujudkan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pengguna, terutamanya pelajar, penyelidik dan masyarakat umum. Konsepnya lebih kepada sudut bacaan & rujukan moden dengan fasiliti selesa.



**PERKHIDMATAN
PINJAMAN**



RUANG SANTAI



ZON SIBER



**PERPUSTAKAAN
BESTARI**



GALERI U-PUSTAKA



ZON HIPERMEDIA



**PERKHIDMATAN
RUJUKAN
LUAR NEGARA**

MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA ANJUNG BESTARI@PNM



22 Januari, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM di Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Majlis ini diadakan sebagai simbolik kepada penyerahan Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan daripada tiga (3) bangunan berbeza kepada semua perkhidmatan di bawah satu bumbung (*all services under one complex*) iaitu di Bangunan Anjung Bestari.



BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA 2025 DAN PROGRAM JOM BACA 10 MINIT 2025

22 April 2025, Kedah - Baucar Buku Semarak Membaca ialah sebuah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia bagi merancakkan kembali industri buku tempatan serta membudayakan amalan membaca.

Peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 telah diluluskan di bawah inisiatif “Kerajaan MADANI” untuk menyokong program ini dan pemilihan Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara Malaysia untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapan perasmian berkata, “Budaya membaca wajar dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat Malaysia. Amalan membaca adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju dan matang. Kemajuan negara dan ketamadunan bangsa dapat dikembangkan dan dipertingkatkan jika bangsa itu berfikiran tinggi yang lahir daripada amalan membaca.”



PROGRAM 'DARIKU UNTUKMU'

PERINGKAT DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA, PERAK 2025

17 Mei 2025, Perak - Program 'Dariku Untukmu' Peringkat Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak 2025 yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak telah mencapai kejayaan besar dalam memperkukuh perpaduan melalui pendidikan serta menyokong inisiatif pendidikan berkualiti. Program Dariku Untukmu adalah inisiatif yang dianjurkan oleh KPN melalui PNM untuk menyumbang buku-buku pendidikan ke sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara. Program ini bertujuan meningkatkan sumber bahan bacaan, menyokong perkembangan pelajar berbahasa Tamil, dan memupuk minat membaca.



PUSAT REPOSITORI TUANKU TENGKU FAUZIAH

22 Mei 2025, Perlis - Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah membangunkan Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia - Perlis (PRPNM - Perlis) yang dinamakan Pusat Repositori Tuanku Tengku Fauziah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Pusat Repositori ini merupakan antara inisiatif penting di bawah strategi pemerkasaan ilmu dan perpaduan yang digariskan oleh Kementerian, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Ia berperanan sebagai hab strategik penyimpanan dan pengurusan koleksi bahan perpustakaan peringkat kebangsaan bagi zon utara, yang merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara.



YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, "Jemaah Menteri pada 14 Mei 2025 telah menyarankan agar reka bentuk bangunan pusat repositori ini akan diperbesar dan dinaik taraf supaya lebih bersesuaian serta setimpal dengan ketinggian martabat Institusi iraja yang sentiasa menjadi lambang kebitaraan dan warisan negara".

KONGRES PUSTAKAWAN ASIA TENGGARA KE-19 (CONSAL XIX)

17 Jun 2025, Kuala Lumpur – Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) pada 16 hingga 19 Jun 2025 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

CONSAL 19 pada tahun ini berjaya menghimpunkan seramai 1,200 orang peserta dari 10 negara anggota ASEAN dan negara-negara luar, dengan pembentangan sebanyak 89 kertas kerja oleh tokoh-tokoh dan pakar pelbagai bidang. Bertepatan dengan Malaysia yang juga menjadi tuan rumah bagi ASEAN 2025, ia menandakan peranan penting negara dalam memimpin inisiatif serantau, khususnya dalam bidang perpustakaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa, beliau menegaskan bahawa perpustakaan masa kini bukan lagi sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi telah berevolusi menjadi lambang keadilan ilmu, pintu akses digital, penjaga khazanah warisan budaya, dan pusat pembelajaran sepanjang hayat untuk semua lapisan masyarakat.







TADBIR URUS PERPADUAN



MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 1/2025



19 Februari 2025, Putrajaya – Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) merupakan sebuah platform dialog dan kerjasama antara pelbagai wakil agama di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara. Jawatankuasa ini berperanan memupuk persefahaman, saling menghormati, dan toleransi antara penganut pelbagai agama, di samping mencari jalan penyelesaian secara harmoni terhadap isu-isu yang berpotensi menjejaskan perpaduan nasional.



Mesyuarat Bil. 1/2025 diadakan bagi membincangkan perancangan strategik dan inisiatif bagi tahun 2025, menilai keberkesanan program terdahulu, dan merangka pendekatan baharu untuk mengukuhkan keharmonian antara penganut agama di negara ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 1/2025 telah dipengerusikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan bersama YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA EXCO - EXCO PERPADUAN NEGERI DAN EXCO - EXCO HAL EHWAL AGAMA SELAIN ISLAM (MExUnity)

10 Mac 2025, Putrajaya – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara bersama Exco - Exco Perpaduan Negeri dan Exco - Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang pertama bagi tahun 2025.



Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) merupakan platform perbincangan strategik yang diwujudkan bagi memperkukuh hubungan dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam aspek perpaduan nasional dan pengurusan hal ehwal agama bukan Islam.

Mesyuarat ini menghimpunkan kepimpinan tertinggi di peringkat Persekutuan dan negeri untuk berkongsi pandangan, menyelaraskan pelaksanaan dasar, serta menangani isu-isu semasa yang mempengaruhi keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.



MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BIL. 1/2025



6 Mei 2025, Putrajaya - Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) merupakan sebuah badan penasihat yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara bagi memberi pandangan strategik, cadangan dasar, dan saranan pelaksanaan program berkaitan perpaduan nasional.

Keanggotaan MPPN terdiri daripada pelbagai tokoh berpengaruh dalam bidang akademik, masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin komuniti, serta wakil agensi kerajaan, yang berperanan sebagai suara kolektif demi memelihara keharmonian, integrasi, dan toleransi dalam kalangan rakyat Malaysia.



Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bil 1/2025 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat Bil. 1/2025 diadakan bagi membincangkan agenda strategik tahun 2025, menilai pencapaian tahun sebelumnya, dan merangka hala tuju baharu sejajar dengan keperluan serta cabaran semasa masyarakat majmuk negara.







LIPUTAN MEDIA



星洲日報
SIN CHEW DAILY
18.1.2025 星期三 農曆十二月十六日

大馬路 1111-1115 電話 2511 4111-4115
新加坡 1111 4111-4115
廣告部 2511 4111-4115
零售部 2511 4111-4115
訂戶部 2511 4111-4115
印刷部 2511 4111-4115
總發行所 2511 4111-4115
零售部 2511 4111-4115
訂戶部 2511 4111-4115
印刷部 2511 4111-4115

團結部長：涉及種族宗教
eSepakat可舉報仇恨論

“和而不同”全年主題

【本報訊】內閣部長蘇丹諾沙里昨日在國會提出一項動議，呼籲各界團結，共同維護國家的和諧與穩定。他強調，在當前國際形勢下，馬來西亞必須保持團結，共同應對挑戰。

蘇丹諾沙里在動議中指出，馬來西亞是一個多元種族、多元文化的國家。在過去幾十年中，我們成功地建立了一個和諧、繁榮的國家。然而，我們也面臨著一些挑戰，包括種族歧視、宗教仇恨等。他呼籲各界團結一致，共同維護國家的和諧與穩定。

動議中提出，政府將採取一系列措施，包括加強法律保障、提高公眾意識、加強社區聯繫等，以促進種族和諧與宗教包容。此外，政府還將加強與鄰國的友好關係，共同維護地區的和平與穩定。

蘇丹諾沙里表示，政府將繼續致力於推動國家的經濟發展與社會進步，為人民創造更美好的生活。他呼籲各界團結一致，共同為國家的繁榮與穩定而努力。

BERSEKUTU BERSAMA SAMA

SMP 2025 platform seramik perpaduan

Yakni berkesan untuk jangka masa panjang menggalakan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

SMP 2025 platform seramik perpaduan

Menyampaikan mesej perpaduan

SATU ARAHAN
AGU DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

SMP pada tahun ini menggaru ke tema Harmoni Dalam Keperluan untuk mempromosikan ketahanan antara generasi muda. Tema ini juga mempromosikan nilai-nilai perpaduan yang relevan dengan masyarakat kita.

Lebih daripada 200,000 orang menghadiri pameran SMP 2025 yang berlangsung dari 17 hingga 20 Januari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Puteri Jaya. Pameran ini menampilkan pelbagai produk seni kraf tempatan yang dihasilkan oleh peserta pameran.

SMP 2025 juga merupakan platform untuk mempromosikan produk seni kraf tempatan yang dihasilkan oleh peserta pameran. Pameran ini menampilkan pelbagai produk seni kraf tempatan yang dihasilkan oleh peserta pameran.

SMP 2025 juga merupakan platform untuk mempromosikan produk seni kraf tempatan yang dihasilkan oleh peserta pameran. Pameran ini menampilkan pelbagai produk seni kraf tempatan yang dihasilkan oleh peserta pameran.

NEWS | EN

Nasional | Berita Sarawak | Iban | English | Mandarin | Dunia | Kolum | Hiburan | Pilihan Raya

Negara terus kukuhkan perpaduan menerusi WIHW

By Cheryl Syahmina Toh | Kluang, Malaysia | February 4, 2025 | 3:35 PM

PUTRAJAYA, 4 Feb: Malaysia terus kukuhkan perpaduan dengan menyambut Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) ataupun World Interfaith Harmony Week.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang menegaskan bahawa keharmonian memerlukan usaha berterusan dan komitmen semua pihak.

Use diversity to unite, not divide

'Freedom of expression not a ticket or excuse to insult others'

KUALA LUMPUR: Free speech is not a license to offend, and it is not a ticket to insult others. It is a freedom of expression that is essential for a healthy democracy. It is a freedom of expression that is essential for a healthy democracy. It is a freedom of expression that is essential for a healthy democracy.

Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, menegaskan bahawa kebebasan bersuara adalah hak asasi manusia yang tidak boleh dipisahkan. Namun, kebebasan bersuara tidak bermaksud kebebasan untuk menghina atau memfitnah orang lain. Kita harus menggunakan kebebasan bersuara untuk menyuarakan kebenaran dan keadilan, bukan untuk memecah belah masyarakat.

Agus Ago Dagang menegaskan bahawa kebebasan bersuara adalah hak asasi manusia yang tidak boleh dipisahkan. Namun, kebebasan bersuara tidak bermaksud kebebasan untuk menghina atau memfitnah orang lain. Kita harus menggunakan kebebasan bersuara untuk menyuarakan kebenaran dan keadilan, bukan untuk memecah belah masyarakat.

KOSMO!

Satu Platform, Satu Pengalaman

BERITA | NEGARA | MALAYSIA | KAMPUS | TEKNO | KUALA | SUKSES | BERTANI | HIBURAN

Sambutan 55-oh CLED 5GSA
Carnell S&A Air Fryer Queen - Rise Gold (SAP-634)

Dokumentari Jejak Harmoni zahir keharmonian beragama di Malaysia

Keberhasilan dan kejayaan program ini adalah bukti nyata keharmonian beragama di Malaysia.

Program Jejak Harmoni rekod lebih 2.7 juta tontonan

6 BERTENGAH AGU

Rancangan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Itegrasi Nasional itu punyai realiti keharmonian antara rumah ibadah.

Program Jejak Harmoni telah mencapai lebih 2.7 juta tontonan, menunjukkan minat yang tinggi masyarakat terhadap keharmonian beragama. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan toleransi antara penganut agama yang berbeza.

Program Jejak Harmoni telah mencapai lebih 2.7 juta tontonan, menunjukkan minat yang tinggi masyarakat terhadap keharmonian beragama. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan toleransi antara penganut agama yang berbeza.

RM1 juta baucar buku untuk rakyat

Baucar boleh dibahagikan bermula dari 22 April 2025

31 Disember 2025

Program Jejak Harmoni telah mencapai lebih 2.7 juta tontonan, menunjukkan minat yang tinggi masyarakat terhadap keharmonian beragama. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan toleransi antara penganut agama yang berbeza.

Program Jejak Harmoni telah mencapai lebih 2.7 juta tontonan, menunjukkan minat yang tinggi masyarakat terhadap keharmonian beragama. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan toleransi antara penganut agama yang berbeza.

Museums record increase in visitors

Upward trend attributed to National Unity Policy which promotes patriotism through structured programmes

By NIKHIL DEKARU

PELANGGAN: Ikhwan Museum di Malaya telah mencatat peningkatan dalam jumlah pengunjung. Peningkatan ini dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Kesatuan Nasional yang mempromosikan patriotisme melalui program-program yang terstruktur.

Peningkatan ini dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Kesatuan Nasional yang mempromosikan patriotisme melalui program-program yang terstruktur. Peningkatan ini dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Kesatuan Nasional yang mempromosikan patriotisme melalui program-program yang terstruktur.

Arkib@Sekolah, Arkib@Komuniti perkukuh identiti kebangsaan

Kementerian Perpaduan Perkenan dua inisiatif, pelajar dan komuniti digalak pelihara warisan sejarah

Oleh DIANA AZIZ KUALA LUMPUR

Kementerian Perpaduan Negara melalui dua inisiatif, Arkib@Sekolah dan Arkib@Komuniti, menggalakan pelajar dan komuniti untuk pelihara warisan sejarah. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah negara dan memperkukuh identiti kebangsaan.



Arahan oleh Datu Seri Anwar Ibrahim dalam salah satu program di sekolah.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah negara dan memperkukuh identiti kebangsaan. Melalui program ini, individu dan komuniti akan digalakan untuk mengumpul dan menyimpan objek sejarah yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Sebagai program ini, individu dan komuniti akan digalakan untuk mengumpul dan menyimpan objek sejarah yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah negara dan memperkukuh identiti kebangsaan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah negara dan memperkukuh identiti kebangsaan. Melalui program ini, individu dan komuniti akan digalakan untuk mengumpul dan menyimpan objek sejarah yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

ceritera

Pameran Semangat ASEAN, Karya Agung terus angkat peranan Jabatan Muzium

© adma 24/04/2025



Datu Seri Anwar Ibrahim berucap semasa majlis persembahan pameran Semangat ASEAN.

Institusi Perpustakaan Perlu Ditonjolkan Sebagai Pemangkin Kemajuan Negara - Aaron Ago

22/04/2025 02:49 PM



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyampaikan ucapan persembahan pada Program Jemaah Bernama 10 Misi 2025 dan penyerahan Bujur Batu Semarak Membina 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.



Aaron Ago Dagang memantapkan laluan pedawai sempena Majlis Persembahan Pameran Semangat ASEAN Keterseragaman dan Kemajemukan di Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Haqiz Hakim/Malaysia Tribune

Home / BERITA SEMASA / Koleksi sejarah penubuhan ASEAN diiktiraf UNESCO, Malaysia bangga jadi Pengerusi ASEAN 2025

Koleksi sejarah penubuhan ASEAN diiktiraf UNESCO, Malaysia bangga jadi Pengerusi ASEAN 2025

Malaysia bangga jadi Pengerusi ASEAN 2025

Chinese news article with multiple columns of text, images, and social media-style elements. Includes a large image of a group of people and a smaller image of a man speaking.



181 Dubah Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Persembahan MAGAM Berhikmah, Abu Galangiran Sabah ke Sabah 2025 di Kompleks Bida dan Sukan. Foto Kementerian Perpaduan Negara

Lebih 180,000 komuniti di Sabah terima manfaat daripada projek Sukarelawan Siswa di Sabah

Projek Sukarelawan Siswa di Sabah telah mencapai kejayaan dengan melibatkan lebih 180,000 komuniti. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sejarah negara dan memperkukuh identiti kebangsaan. Melalui program ini, individu dan komuniti akan digalakan untuk mengumpul dan menyimpan objek sejarah yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Tuai Kasih lambang perpaduan

Iklan istimewa sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan itu catat lebih 2.5 juta tontonan

OH BOSKORAKAH YAHTA MELAI ALAM!

Iklan istimewa sempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025 yang bertajuk 'Tua Kasih' berjaya mencatat lebih 2.5 juta tontonan.



Iklan ini sangat popular kerana ia memuatkan imej tradisional seperti tarian etnik dan muzik yang dimainkan secara langsung.



Dalam iklan yang bertajuk 'Tua Kasih', para peserta menunjukkan semangat perpaduan dan kerjasama antara kaum.

perpaduan hanya dapat dicapai melalui saling tolong-menolong. Permatuan ini merupakan hasil daripada perpaduan budaya.

Astro rancakkan kempen Cakap Baik-Baik, usaha pupuk budaya baik - Menteri Perpaduan

NOR SYAZRINA MUHAMAD TAHIR **Follow**

11 Mac 2025 12:09pm
Masa membaca: 2 minit



A group of people, including officials and community members, standing together for a group photo.

YOU ARE AT: Home > News > Sarawak > Sungkai Perdana embodies spirit of unity, harmony, says National Unity Minister

Sungkai Perdana embodies spirit of unity, harmony, says National Unity Minister

BY MICHAEL LIM ON MARCH 10, 2025, SATURDAY AT 8:51 PM

For the freshest news, join The Borneo Post's Telegram Channel and The Borneo Post on Newsmax.



Aaron distributes bubur lambuk to members of the public during the Sungkai Perdana 2025 at Dataran Tun Tuanku Bujang Phase 1, Sibu this evening.



Aaron scoops the bubur lambuk into containers, ready for distribution at the national-level 'Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' programme in Kerteh. — Bernama photo

KPN: Community mediation centre resolves 215 conflicts

KERTEH: The National Unity Ministry (KPN), through the Community Mediation Centre, was able to resolve 215 conflicts at the community level last year, preventing these cases from escalating into legal disputes.

Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Daging said the cases were handled proactively by Community Mediators under the supervision of the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

"The mediation services provided by Community Mediators cover various neighbourhood issues, including

noise disturbances, disputes between neighbours, family conflicts and environmental issues.

"The ministry intends to ensure that the free mediation services offered to the public are more accessible and beneficial through the establishment and expansion of Community Mediation Centres," he told reporters after opening the national-level 'Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' programme at Dewan Sivik Kerteh here yesterday.

According to Aaron, there are currently eight Community Mediation Centres nationwide, with plans to establish five more.

Two of the centres would be at Komaman Unity Centre in Terengganu and the Pontian Unity Office in Johor, while the three others would be set up in collaboration with the Shah Alam City Council in Selangor, the Tuaran District Council in Sabah, and a joint effort between Think City and Kuala Lumpur City Hall at the Seri Kota People's Housing in the federal capital.

Meanwhile, Aaron emphasised the crucial role of the Rukun Tetangga Club in addressing community issues, particularly in matters of safety and unity. — Bernama

Songkran Peringkat Kebangsaan bakal gegar Perak! Raikan tradisi masyarakat Siam selama 3 hari

Ditayangkan 5 months ago pada 7 April 2025
Dua Halimey Zamil



A group of people in traditional attire performing a cultural dance or ceremony.

Rakyat perlu fahami antara satu sama lain bagi bentuk negara bersatu padu

Bernama
27/03/2025 | 06:15 MYT



Peranan muzium perlu diperkukuh

Bukan sekadar pelihara masa lalu, tetapi bentuk masa depan

Oleh NURAFIQAH ASSAN
KUALA LUMPUR

Peranan muzium perlu diperkukuh sebagai institusi yang memelihara warisan budaya, sejarah dan budaya di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia selaras dengan matlamat Kementerian yang mahu memajukan muzium bukan sahaja sebagai perkhidmatan tetapi menjadi ruang transformasi.

"Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artefak, sebaliknya menjadi ruang di mana kisah bersejarah dapat dibekalkan dan kemudiannya di-



Aaron Ago Dagang menyempurnakan (dari kiri) persembahan Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Ika Tengah pada Ahad.

terangkan profesional muzium sendiri dan antarabangsa serta memperkukuh rangkaian kerjasama antarabangsa dalam bidang perkhidmatan.

Kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada pengarah muzium, pentadbir, kakitangan, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan rakyat awam turut menyertai platform untuk perkongsian pengetahuan

"Dengan mendigitalkan transformasi digital, kita bukan sahaja memelihara masa lalu, tetapi membentuk masa depan," katanya pada Majlis Persembahan Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Ika Tengah.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sabri Mat Daud dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Datuk Kamarul Baharu A. Khamis.

Berterusan The Future of Museums in Rapidly Changing Communities, seminar ini di-
anjurkan oleh Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMAM) dan Lembaga Muzium Negara.

Tiga sub-tema utama dalam program seminar tersebut, iaitu Integrating Heritage, Youth Power dan New Technologies yang bertujuan mempromosikan perkhidmatan muzium kepada generasi muda yang semakin meningkat, kolaborasi pentadbiran dan muzium terbuka, institusi-institusi ini bukan sahaja sebagai tempat kita tetapi sebagai pusat yang tetap

dan aktif dalam memelihara warisan serta mempromosikan perpaduan dan keberagaman nasional," katanya.

Ujar Aaron, Kementerian Perpaduan Negara akan memajukan muzium sebagai destinasi yang menarik, kolaborasi pentadbiran dan muzium terbuka, institusi-institusi ini bukan sahaja sebagai tempat kita tetapi sebagai pusat yang tetap

Kepulauan cetusan idea Menteri Perpaduan

23 Mac 2025 03:22pm
Masa membaca: 2 minit



星洲日報
SIN CHEW DAILY
11月1日 2025 星期一
乙巳年九月廿二

不容抵觸國家主流文化
擬立法監管博物館

團結部長：7月聚橫全民共慶團結週活動 4月甲揭幕

(檳城10日訊) 2025年團結週活動將於4月揭幕。這項年度盛事將於4月在馬六甲揭幕，隨後陸續在全國各州舉行，最終于7月在新加坡全國揭曉。

他今晚出席團結週和感謝週開幕典禮，政府將繼續推動“昌明和諧”計劃，以進一步巩固馬來西亞多元社會的團結和和諧。

他說，國家團結週今年將重點是以“和諧團結”及“建設進步國家”為核心的各項計劃，促進各族之間的聯繫，并加強國民身分认同。

“2024年，團結週成功推行730項活動計劃，涵蓋“推广爱国精神”、“促进团结”及“发挥社区”三大类别。

他指出，該部能取得如此成果，离不开所有相关单位的努力和团队协作。

放喉团结指数提高至0.7

另外，艾伦达于说，该部将与国立大学（UKM）民族研究社（KITA）合作，于今年展开“国家团结指数3.0”研究，并效期指数提高至0.7。

“这项研究涵盖全国各州，以评估国家团结指数目标分数为0.7，与第12大计划目标一致。”

促停止辩论宗教差异

敏斯时，艾伦达于发文说，任何针对宗教差异的辩论必须停止，因为这可能引发我国多元宗教社会之间的紧张关系。

他说，有关宗教的讨论，应以尊重及承认我国多元社会的方式进行。



艾伦达于（左二）主持团结週和感谢週，并与团结週副部长苏拉曼、副部长李雪雪（左一）和副秘书官苏文文（右一）一同揭幕。（廖伟雄摄）

“虽然我们拥有各种宗教和信仰，但更重要的是我们专注于团结马来西亚人民的共同点和普遍价值观。”

艾伦达于说，该部已通过昌明和谐倡议建立平台，进行规划、协调及接受主题的和谐计划等。讨论包括分享各宗教的良好做法，从而提高国内各宗教之间的信任。

他建议各方善用和谐对话的平台作为媒介，加强理解和珍惜我国多元社会，并巩固其团结。

“各方，无论是人民代表、政治人物、宗教领袖、社区或个人都发挥各自角色，培育团结和维护国家安康。”

他大党署理主席兼副署长沙拉曼于本月23日，就此事致函艾伦达于，由伊斯兰教士理事会发表声明，藉由大马伊斯兰文学院院长主持。

21地发展团结社交空间

另一方面，国家团结部已在全国21个地点，用作发展或加强国家团结的实体社交空间。

团结部今日发表文告指出，该计划包括建设一个开放图书馆、儿童游乐公园、凉亭、绿化地带、体育活动中心、中央社区活动中心、社区图书馆和电话亭。

“该计划的实体社交空间发展将成为一个包容性参与的场所，鼓励来自不同背景的居民互动，实现可持续的社会和谐。”

MELAKA HARI INI
Majlis Air & Alam

Utama Terkini Lokal Nasional Podcast Akhbar Digital

AARON ketika menyempurnakan gimik perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di pejabatnya MITC, Ayer Keroh.

MEDIA SOSIAL PLATFORM PROMOSI KEMPEN TAAT SETIA RUKUN NEGARA

Dokumentari Jejak Harmoni zahir keharmonian antara penganut agama di Malaysia

NEGERA

Dokumentari Jejak Harmoni zahir keharmonian beragama di Malaysia



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

+603-8091 8000 pro@perpaduan.gov.my



Kementerian Perpaduan Negara



PerpaduanNegara



perpaduannegara



PERPADUAN Negara



PERPADUAN_NEGARA

